

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2010


Kelulusan Permit Sementara Bahan Batuan (Tanah Merah) Di Bawah
Bidang Kuasa Pentadbir Tanah Daerah
(Pindaan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil.9/2007)

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai keputusan Bengkel Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bil.2/2010 bertarikh 6 Ogos 2010 berhubung pindaan berkenaan kuasa meluluskan permit sementara bahan batuan (tanah merah) oleh Pentadbir Tanah Daerah.

2. Melalui bengkel tersebut, pindaan Pekeliling PTGS Bil.9/2007 berhubung kuasa kelulusan permit bahan batuan tanah merah adalah seperti berikut:

- i) Hanya melibatkan tanah hakmilik sahaja dan keluasan tanah **tidak boleh melebihi 50 ekar;**
- ii) Tempoh permit ialah **selama 3 bulan;**
- iii) Pemohon hendaklah **melantik Jurukur Bahan (Quantity Surveyor) yang bertauliah** bagi setiap permohonan untuk pengesahan keluasan dan kuantiti pengeluaran; dan
- iv) Kadar pengeluaran tanah merah adalah bergantung kepada pengesahan kuantiti yang dibuat semasa permohonan dan proses pengeluaran tanah merah tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh masa permit (3 bulan).

3. Arahan ini adalah **berkuatkuasa mulai 18 Ogos 2010** dan Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.


(Dato' Abd Nasir Bin Hassan)
Pengarah Tanah Dan Galian Selangor

Fail : (16)dlm.PTGS/CR 02/00/2000

Tarikh : 18 Ogos 2010